

28 NOV 1997

LIMA-Tumpuan (Bergambar)

BUKIT CENGKUAN JADI TUMPUAN PERTUNJUKAN UDARA LIMA '97

LANGKAWI, 28 Nov (Bernama) -- Bukit Cengkuan dekat Padang Matsirat di sini dijangka menjadi tumpuan orang ramai untuk menyaksikan pertunjukan pesawat canggih yang mengambil bahagian dalam Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 1997 mulai 2 hingga 7 Dis ini.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Langkawi (MDL) Mansor Haji Ismail berkata kawasan itu bakal menjadi tarikan kerana terletak berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Beliau berkata orang ramai dapat melihat dengan lebih jelas keindahan sekitarnya dari atas bukit itu terutamanya pesawat-peawat yang mengambil bahagian dalam LIMA.

Mansor berkata orang ramai hanya dibenarkan menyaksikan pameran udara yang diadakan di Balai Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat mulai 6 dan 7 Dis ini.

Katanya, kira-kira 100,000 orang dijangka menyaksikan pameran itu berbanding 75,000 dalam LIMA dua tahun lepas.

Sementara itu, Le Proton LIMA Sdn. Bhd yang menjadi penganjur pameran udara dalam LIMA '97 akan menyediakan kemudahan 50 buah tandas bergerak dan tong sampah bagi memastikan tahap kebersihan dapat ditingkatkan.

Pengerusi Eksekutifnya Datuk Radzi Manan berkata ini adalah untuk memenuhi saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kebersihan di kawasan pameran ditingkatkan.

Penduduk Langkawi pula hari ini mula mendengar deruman pesawat pejuang yang menjalani latihan di ruang udara kerana kebanyakan pesawat udara yang menyertai pameran udara telah tiba di sini.

Menurut pengurus Malaysia Airport Berhad (MAB) Halim Omar, pesawat tersebut termasuklah dua buah pesawat pengangkut Antonov dari Rusia. --

BERNAMA

ZI akd